

Newspaper	Utusan Melayu
Date	03/08/2017D

1MDB tidak jejas ekonomi negara

Ulm - 3/8/2017 ps. 3

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak menemipelak pembangkang yang masih mengaitkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan kedudukan hutang negara.

Perdana Menteri berkata, isu berkaitan syarikat pelaburan negara itu hanya melibatkan isu teknikal dan bukannya soal tidak mampu membuat bayaran balik pinjaman sehingga menjejaskan keyakinan pihak luar terhadap ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pada masa ini, kedudukan hutang negara masih berada dalam lingkungan terkawal, malah dapat dikurangkan kepada 52.5 peratus berbanding 54 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Defisit fiskal negara juga dijangka dapat dikurangkan kepada tiga peratus pada akhir tahun ini dari kedudukan terkini 6.7 peratus selain pelaksanaan kerajaan ke arah langkah belanjawan berimbang.

"Soal 1MDB sudah dikeluarkan kenyataan, maka ini soal teknikal sahaja bukan soal tidak mampu bayar balik dan dijangka tidak menjejaskan soal kepada keyaki-

Soal 1MDB sudah dikeluarkan kenyataan, maka ini soal teknikal sahaja bukan soal tidak mampu bayar balik dan dijangka tidak menjejaskan soal kepada keyakinan ekonomi negara."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

nan ekonomi negara," katanya ketika sesi soal jawab lisan dalam sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Permatang Pauh)** mengenai 1MDB yang dilaporkan gagal membuat bayaran RM2.58 bilion kepada firma pelaburan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Corp (IPIC) sehingga menggugat keyakinan pelabur.